

Tingkat perkhidmatan dan kualiti kemudahan pelancongan

# Cruise Tasik Putrajaya diiktiraf MyTQA

Oleh HAKIMI ISMAIL

kota@utusangroup.com.my

■ PUTRAJAYA 5 MAC

**C**RUISE Tasik Putrajaya yang merupakan salah satu produk pelancongan terbaik di Putrajaya yang diuruskan Marina Putrajaya Sdn. Bhd. (MPSB) secara rasminya mendapat Pengiktirafan Malaysia Tourism Quality Assurance (MyTQA).

Ketua Pegawai Eksekutif MPSB, Datuk Zaharah Salamat berkata, MyTQA merupakan inisiatif Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk meningkatkan perkhidmatan dan kualiti kemudahan bagi produk-produk pelancongan di Malaysia.

Beliau berkata, pengiktirafan itu juga merupakan satu penghargaan kepada produk pelancongan selain turut memberi pendedahan kepada penggiat-penggiat industri itu supaya lebih mengutamakan mutu perkhidmatan yang disediakan.

“Di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), MyTQA dilihat sebagai salah satu program yang mengutamakan kehendak pelancong. Kami amat bersyukur dan teruja dengan pengiktirafan ini sekali gus membuktikan Cruise Tasik Putrajaya



ZAHARAH SALAMAT menunjukkan sijil dan plak pengiktirafan MyTQA di Putrajaya, baru-baru ini.

sebaris dengan produk pelancongan terkemuka lain.

“Dengan pengiktirafan ini, saya berharap Cruise Tasik Putrajaya akan menjadi jenama yang lebih kukuh dan seterusnya meningkatkan daya saingnya dalam industri pelancongan di dalam negara dan antarabangsa,” katanya ketika ditemui pemberita di sini.

Terdahulu Zaharah menerima sijil pengiktirafan MyTQA itu daripada Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Rashidi Hasbullah sambil disaksikan oleh Ahli Lembaga Pengarah MPSB, Nik Shukri Nik Soh.

Menurut Zaharah, pihaknya juga teruja dengan pengiktirafan

tersebut kerana Cruise Tasik Putrajaya merupakan produk pelancongan yang pertama di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang telah mendapat pengiktirafan MyTQA.

Dalam pada itu, beliau berharap pengiktirafan tersebut dapat membantu mencapai sasaran jualan keseluruhan MPSB sebanyak RM14 juta tahun ini dengan memberikan mutu perkhidmatan yang terbaik kepada pengunjung.

“Kepuasan pengunjung yang optimum terhadap perkhidmatan yang diberikan adalah perkara utama yang kami sentiasa tekankan sejak dahulu dan akan sentiasa memperbaikinya daripada semasa ke semasa,” katanya.



PENGIKTIRAFAN yang diterima membuktikan Cruise Tasik Putrajaya sebaris dengan produk pelancongan terkemuka lain.